

ASPEK KECEMERLANGAN PRAKTIKUM GURU PELATIH PENDIDIKAN KHAS INSTITUT PENDIDIKAN GURU

ASPECTS OF EXCELLENCE DURING PRACTICUM AMONG SPECIAL EDUCATION TEACHER TRAINEES FROM AN INSTITUTE OF TEACHER EDUCATION

¹ Masitah Taib (Ph.D)
Madinah Mohd Yusof (Ph.D)
Alijah Ujang (Ph.D)
Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas
¹masitah@ipgkik.edu.my

ABSTRAK

Praktikum ialah latihan mengajar yang merupakan komponen wajib dalam kurikulum Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Kecemerlangan guru pelatih dalam praktikum dapat dilihat melalui tingkah laku dan usaha kearah mencapai sesuatu yang terbaik. Sehubungan itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti aspek-aspek kecemerlangan guru pelatih semasa praktikum yang boleh dijadikan model kepada guru pelatih Pendidikan Khas (PK) yang lain. Kajian ini melibatkan seramai 17 orang guru pelatih PISMP pengkhususan PK Masalah Penglihatan dan PK Masalah Pendengaran, IPG Kampus Ilmu Khas sesi pengajian Jun – November 2018. Kaedah pengumpulan data adalah secara pemerhatian, temu bual, analisis dokumen semasa sesi rentas cemerlang di sekolah. Data kajian dianalisis secara kualitatif untuk menghasilkan tema-tema. Dapatan kajian menunjukkan kesemua guru pelatih cemerlang praktikum PK mempunyai keperibadian yang positif yang boleh dijadikan suri teladan. Mereka melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dengan cara mengintegrasikan elemen teknologi, maklumat dan komunikasi serta elemen kreatif dan inovatif bersesuaian dengan keperluan dan kesesuaian Murid Berkeperluan Khas. Amalan PdPc dan kokurikulum yang terbaik itu ditunjukkan secara konsisten dan dibuktikan melalui dokumentasi. Model Kecemerlangan Praktikum Pendidikan Khas yang dihasilkan terdiri daripada enam tema. Model tersebut sangat signifikan dan memberi implikasi kepada praktikum guru pelatih Pendidikan Khas.

Kata kunci: model, kecemerlangan, praktikum dan Pendidikan Khas

ABSTRACT

The school-based practicum is a compulsory teaching course in the curriculum of Bachelor in Education Programme (PISMP) at the Institutes of Teacher Education Malaysia. Evidence of excellence in teaching among trainee teachers on practicum can be identified through an assessment of behaviour and effort made towards achieving the best. In this regard, this study was conducted to identify the aspects of excellence among trainee teachers during practicum that could be established as a model to the other special education trainee teachers. 17 special education trainee teachers majoring in visual impairment and hearing impairment in the June – November 2018 academic session at Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas participated in this study. The data collection methods were observation, interview and document analysis during the cross-session at the school. Data was analysed qualitatively to identify themes. The findings showed that all excellent trainee teachers have a positive disposition as a role model. They displayed effective teaching and learning processes, and integrated communication, information and technology elements as well as creative and innovative elements in line with the needs and suitability of Special Needs Students. Best teaching and learning and co-curriculum practices were demonstrated consistently and supported with documentation. The Model of Excellence in Special Education Practicum was designed accordingly based on six themes.

This model provided significant implication for the practicum among Special Education trainee teachers.

Keywords: model, excellence, practicum and special education

Pengenalan

Pendidikan dan latihan perguruan merupakan elemen yang sangat penting dalam perkembangan pendidikan sesebuah negara. Komponen ini dianggap penting dalam struktur pendidikan kerana guru-gurulah yang akan menterjemahkan dan merealisasikan dasar dan matlamat pendidikan. Kekuatan sistem pendidikan dalam banyak hal bergantung kepada kualiti dan kecemerlangan guru. Budaya kerja guru yang berkualiti dan cemerlang dapat melonjakkan kecemerlangan sistem pendidikan negara.

Kementerian Pelajaran Malaysia (2014) menggariskan kriteria guru cemerlang mestilah mempunyai elemen kompetensi fungsional menerusi proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berkesan iaitu i) menguasai isi kandungan dan teknik penyampaian bidang berkaitan serta menggabungkan dalam PdP yang dirancang dan menyesuaikan dengan ciri-ciri dan gaya pembelajaran pelajar dalam merancang penyampaian yang berkesan, ii) berupaya memilih, menyediakan dan menggunakan sumber pendidikan yang menarik, selamat dan berkesan, iii) berupaya mengemukakan soalan yang mampu mendorong minat, mempelbagai teknik penyoalan yang berkesan untuk meningkatkan pemahaman dan menggalakkan pelajar berfikir kritis dan kreatif, iv) berupaya melibatkan diri dan berinteraksi secara aktif dalam pelbagai hala semasa aktiviti PdP untuk mencapai objektif pembelajaran serta meningkatkan penguasaan pembelajaran pelajar dan v) guru berupaya membuat penilaian dengan pelbagai kaedah yang sesuai bagi menentukan tahap pencapaian pembelajaran pelajar dan membuat tindakan susulan. Guru yang kompeten akan memberikan komitmen yang tinggi dan prihatin terhadap keperluan pembelajaran, masalah yang dihadapi oleh pelajar, membuat penilaian murid yang adil, membuat bimbingan klinikal, memberi kefahaman mendalam terhadap mata pelajaran diajar seterusnya memupuk minat dan kesungguhan murid untuk berusaha mencapai kecemerlangan (Norhana Mohamad Saad, Juliana Baharuddin & Siti Noor Ismail, 2016).

Di peringkat latihan guru, guru pelatih adalah pelapis kepada guru yang sedang berkhidmat di sekolah. Guru-guru pelatih juga berpeluang menunjukkan kecemerlangan dalam proses PdP semasa praktikum. Praktikum ialah latihan mengajar yang merupakan komponen wajib dalam kurikulum program pendidikan guru samada pada peringkat diploma atau ijazah pertama. Ia merupakan latihan praktik yang memberi peluang kepada guru pelatih membina, menguasai dan mengukuhkan ilmu profesional keguruan berasaskan sekolah dan bersifat *development*. Guru pelatih yang menginginkan praktikumnya cemerlang adalah didorong oleh motivasi intrinsik. Teori Motivasi Pencapaian oleh McClland (1970) mengetengahkan bahawa penggerak kepada keperluan pencapaian (nAch) adalah keinginan seseorang untuk mencapai kejayaan yang cemerlang di tempat bekerja. Seseorang individu yang mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi berkemampuan untuk melakukan tugas dengan baik dan selalu bergerak dengan cergas. Perkaitan teori ini dengan guru pelatih cemerlang praktikum boleh dilihat melalui melalui tingkah laku dan usaha kearah melaksanakan praktikum yang terbaik dan cemerlang.

Peranan dan komitmen guru menjadi sangat mencabar dengan keperluan pembelajaran Abad ke-21. Guru yang berkualiti dan bersedia menghadapi cabaran menjadi sandaran Kementerian Pendidikan untuk merealisasikan transformasi pendidikan negara seperti dihasrat melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025. Cabaran ini turut digalas oleh semua guru pelatih. Mereka perlu lebih proaktif, mahir dan berketrampilan bukan sahaja dalam kandungan kurikulum tetapi juga dalam pedagogi terkini, memahami psikologi pembelajaran, dan mengintegrasikan teknologi terkini dalam PdP (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2015).

Latar Belakang

Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGKIK) Malaysia merupakan institusi ulung yang menyediakan latihan perguruan bidang Pendidikan Khas semenjak dari tahun 1960an. Kebitaraan IPGKIK dalam bidang Pendidikan Khas kerana IPG kampus ini sahaja yang menawarkan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Pendidikan Khas pengkhususan i) Masalah Pembelajaran, ii) Masalah Penglihatan, dan iii) Masalah Pendengaran. Sepanjang tempoh pengajian empat tahun PISMP, guru pelatih mulai ambilan Jun 2015 perlu menjalani praktikum sebanyak dua kali iaitu fasa 1 pada semester 5 dan fasa 2 pada semester 7. Tempoh praktikum bagi setiap fasa adalah selama 12 minggu. Lokasi pelaksanaan praktikum adalah di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) atau Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) di seluruh Malaysia.

Guru pelatih dibimbing oleh seorang pensyarah pembimbing IPGKIK dan seorang guru pembimbing sekolah yang dilantik sepanjang tempoh pelaksanaan praktikum. Peranan pensyarah dan guru pembimbing adalah untuk memperbaiki kelemahan pengajaran/pembelajaran dan memperkembangkan potensi dan kemahiran guru pelatih. Pensyarah dan guru pembimbing menggunakan Borang Bimbingan Praktikum (PR1) untuk merekod perancangan, pelaksanaan, pentaksiran, amalan refleksi, sikap dan sahsiah, kokurikulum dan peranan lain guru pelatih setiap kali sesi pencerapan klinikal di dalam bilik darjah. Penilaian dan rumusan prestasi guru pelatih dalam praktikum seterusnya ditentukan melalui sesi pencerapan dan perbincangan pensyarah bersama-sama dengan guru pembimbing menggunakan Borang Penilaian Praktikum (PR2). Guru pelatih yang memperoleh markah praktikum 90% dan ke atas boleh dicalonkan sebagai cemerlang praktikum. Seterusnya, pengesahan calon cemerlang praktikum pula ditentukan oleh Ketua Jabatan Pengkhususan dan seorang Ketua Jabatan Akademik yang dilantik semasa sesi rentas cemerlang.

Penyataan Masalah

Sorotan literatur terhadap kajian-kajian berkaitan praktikum guru pelatih IPG kebanyakan berfokus kepada keberkesanan latihan praktikum (Mahaya Salleh, 2016), tahap kesediaan guru pelatih (Khaitul Anwar Abu Bakar, 2014), hubungan antara profesionalisme dan kesediaan mengajar dengan penyeliaan pensyarah (Mohamad Nizam Nazarudin, Nur Fatimah Luciana Benjamin Abdullah & Zakiah Noordin, 2017), amalan bimbingan pengajaran pensyarah dan guru pembimbing (Syed Ismail Syed Mustafa, 2012), kemahiran berfikir (Fazlulaini Mohd Yunus, Kamarul Azmi Jasmi, Md Zuki Hashim & Ruhayati Ramly, 2017), tahap stres semasa praktikum (Syed Ismail Syed Mustapa & Lye, 2016) dan banyak lagi. Kajian-kajian terdahulu ini memperlihatkan kajian praktikum Pendidikan Khas dan kajian tentang model atau aspek kecemerlangan dalam praktikum adalah sangat kurang dan perlu diberi perhatian. Walau pun kajian tentang guru cemerlang banyak di dokumentasi dalam tinjauan literatur, kajian ini perlu dilakukan kerana berfokus kepada guru pelatih yang masih kurang pengalaman dalam pengajaran dan pembelajaran bidang pendidikan khas.

IPGKIK merupakan kampus kebitaraan bidang Pendidikan Khas dan telah melahirkan ramai guru-guru Pendidikan Khas di seluruh Malaysia sama ada pada peringkat sijil, diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Tambahan lagi, Jabatan Pendidikan Khas IPGKIK merupakan jabatan yang paling ramai calon cemerlang praktikum sesi pengajian Jun hingga November 2018. 17% bilangan guru pelatih yang cemerlang praktikum merupakan pencapaian terbaik Jabatan Pendidikan Khas IPGKIK dalam praktikum setakat ini. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan untuk berkongsi aspek kecemerlangan dan amalan terbaik guru-guru pelatih tersebut. Dapatan kajian ini diharap dapat menghasilkan satu model yang boleh dijadikan panduan kepada guru pelatih lain dalam bidang yang sama.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan meninjau pelaksanaan praktikum cemerlang praktikum guru pelatih PISMP Pendidikan Khas. Objektif kajian ini adalah untuk;

- i) mengenal pasti sikap dan sahsiah guru pelatih cemerlang praktikum.
- ii) mengenal pasti amalan terbaik guru pelatih cemerlang praktikum dalam PdP dan peranan lain di sekolah.

Persoalan Kajian

Kajian ini dilaksanakan untuk menjawab persoalan kajian berikut;

- i) Bagaimana sikap dan sahsiah guru pelatih cemerlang praktikum.
- ii) Apakah amalan terbaik guru pelatih cemerlang praktikum dalam PdP dan peranan lain di sekolah?

Metodologi

Kajian ini adalah kajian kes berfokus kepada pelaksanaan praktikum guru pelatih PISMP Pendidikan Khas IPGKIK yang telah dicalon dan disahkan sebagai cemerlang praktikum. Mereka menjalani praktikum selama 12 minggu mulai Julai 2017 hingga Oktober 2017 di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPKP) atau Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Masalah Penglihatan/Masalah Pendengaran seluruh Malaysia. Seramai 17 orang guru pelatih semester 5 dan semester 7 telah dicalon dan disahkan cemerlang praktikum terlibat dalam kajian ini. Pencalonan cemerlang praktikum ditentukan oleh pensyarah pembimbing dan guru pembimbing semasa pencerapan bersama dan persetujuan memberi markah 90% dan ke atas kepada guru pelatih. Pengesahan cemerlang praktikum seterusnya dilakukan oleh Ketua Jabatan Pendidikan Khas dan Ketua Jabatan atau Ketua Unit atau Pensyarah Kanan yang dilantik oleh Pengarah semasa pencerapan rentas cemerlang. Maklumat guru pelatih cemerlang praktikum dinyatakan dalam jadual 1.

Jadual 1

Maklumat guru pelatih cemerlang praktikum

PISMP mengikut ambilan dan pengkhususan	Ambilan 2016 (semester 5)				Ambilan 2015 (semester 7)			
	Penglihatan		Pendengaran		Penglihatan		Pendengaran	
	Fasa 1				Fasa 2			
Bilangan guru pelatih cemerlang praktikum	4		5		1		7	
Bilangan guru pelatih cemerlang praktikum mengikut jantina	lelaki	perempuan	lelaki	perempuan	lelaki	perempuan	lelaki	perempuan
	2	2	2	3	0	1	0	7

Kaedah pengumpulan data adalah secara pemerhatian oleh Ketua Jabatan, Ketua Unit atau Pensyarah Kanan semasa mencerap PdP guru pelatih calon cemerlang. Kaedah temu bual bersama guru pelatih, pensyarah pembimbing dan guru pembimbing dan analisis dokumen juga dilaksanakan semasa sesi rentas cemerlang. Pengumpulan data secara tringulasi ini dapat meningkatkan kebolehpercayaan dan kesahan data kajian (Cresswell, 2014). Data dianalisis secara kualitatif iaitu mengekod, mengkategorikan dan membina tema (Cresswell, 2014). Data dipersembahkan dalam bentuk naratif.

Dapatan Kajian

Persoalan kajian 1 : Bagaimana sikap dan sahsiah guru pelatih cemerlang praktikum?

Sikap dan sahsiah merupakan elemen penilaian yang terdapat dalam Borang PR1 dan PR2. Kriteria yang diperhati merangkumi aspek penampilan diri, keprihatinan, pekerti, dan sikap profesional.

Tema: Identiti Pendidik Unggul

Berdasarkan pemerhatian dan temu bual dengan pensyarah pembimbing dan guru pembimbing, kesemua 17 orang guru pelatih cemerlang praktikum mempunyai sikap dan sahsiah terpuji, berfikiran positif, proaktif, inovatif dan motivatif dan boleh dijadikan suri teladan kepada rakan yang lain. Kajian ini mendapati sikap dan sahsiah guru pelatih kajian ini mempunyai ciri-ciri identiti pendidik yang unggul dari segi penampilan, keprihatinan, pekerti dan sifat profesional.

i) Penampilan diri

Kesemua guru pelatih mempunyai penampilan diri yang menunjukkan keyakinan diri dalam segala perlakuan, mesra, memiliki sifat keciindan serta dapat menimbulkan kesan yang menyenangkan, bersopan santun, berbudi bahasa dan berwibawa sebagai seorang guru. Mereka amat berjaya di dalam menyesuaikan diri dengan keadaan dan situasi.

ii) Keprihatinan

Amat prihatin dan menunjukkan sifat kemanusiaan seperti peka, mesra, bertimbang rasa, sabar, empati dan akrab serta mengambil berat terhadap masalah, kepentingan, kebajikan dan keselamatan murid. Mereka juga dapat membuat tindakan yang sesuai dengan masalah dihadapi dengan menonjolkan sifat-sifat keibubapaan.

iii) Pekerti

Sentiasa menunjukkan budi pekerti yang luhur, terpuji, berbudi bahasa serta dapat menyesuaikan tingkah laku sebagai seorang guru. Tidak ketinggalan sentiasa mengamalkan nilai-nilai murni

iv) Sifat profesional

Kesemua guru pelatih sedia berkorban masa dan tenaga dalam melaksanakan tugas. Mereka menunjukkan tanggungjawab dan iltizam yang tinggi, bekerja dengan bersungguh-sungguh, menyediakan persediaan mengajar yang amat kemas, teratur dan kemas kini.

Contoh tingkah laku yang sentiasa ditunjukkan oleh kesemua guru pelatih calon cemerlang sepanjang praktikum adalah bersemangat dalam menjalankan tanggungjawab, bersemangat tinggi dan sentiasa teruja untuk bertemu murid-murid. Mereka sentiasa melengkapkan diri tentang persediaan yang perlu sebelum memasuki kelas seperti membuat rancangan pengajaran sebelum kelas bermula. Merancang aktiviti di dalam kelas dan menggunakan masa yang ada secara optimum. Menggunakan kaedah pembelajaran yang sesuai dengan tahap pencapaian murid-murid. Mereka juga komited pada tugas sehingga murid menjadi tertanya dan merasai ketiadaannya jika guru terlibat dengan urusan di luar bilik darjah atas urusan rasmi. Sikap sentiasa menyantuni dan meraikan MBK memberi impak secara tidak langsung kepada murid untuk turut bersemangat dalam pembelajaran. Kadang kala mereka menggunakan bersikap tegas kepada murid sebagai cara untuk mengawal kelas.

Dapatan kajian ini selari dengan objektif pengenalan kepada skim perjawatan Guru Cemerlang di sekolah yang berkehendakkan Guru Cemerlang sebagai suri teladan kepada guru lain (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008). Adalah menjadi harapan IPGKIK agar ciri-ciri identiti pendidik yang unggul ini terus kekal sehingga ke sekolah selepas penempatan dan menjadi landasan kepada kenaikan pangkat Guru Cemerlang (Khaliza-Saidin, 2012).

Persoalan kajian 2 : Apakah amalan terbaik calon cemerlang praktikum dalam PdP?

Amalan terbaik PdP boleh dipecahkan kepada tiga aspek iaitu perancangan, pelaksanaan dan amalan refleksi.

Tema : Persediaan Pengajaran Terbimbing

Hasil temu bual dan analisis dokumen mendapati, kesemua guru pelatih menunjukkan persediaan yang tinggi sebelum melaksanakan pengajaran. Mereka sentiasa memastikan penulisan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) adalah bersesuaian dengan tahap MBK. Amalan ini dapat dilihat melalui RPH yang dihantar kepada pensyarah pembimbing untuk semakan. Kesemua pensyarah pembimbing melaporkan bahawa guru pelatih bimbingan mereka tidak pernah culas menghantar RPH setiap PdP.

Bagi tujuan membantu guru pelatih membuat persediaan rapi sebelum PdP, IPGKIK telah berusaha menyediakan platform untuk memudahkan pensyarah pembimbing menyemak RPH secara atas talian. *Collaborative Instruction Design System (CIDS)* merupakan satu aplikasi yang telah direka bentuk khusus untuk menulis RPH yang telah diformatkan secara atas talian. Aplikasi ini sangat baik kerana pensyarah boleh meneliti dan mengenal pasti kelemahan RPH guru pelatih sebelum PdP. RPH yang ditulis melalui CIDS ini perlu dihantar sehari sebelum pelaksanaan PdP. Aplikasi ini baru diperkenalkan penggunaannya pada sesi pengajian Jun hingga November 2018, sehubungan itu, penekanannya bukan suatu yang wajib. Namun begitu, kesemua guru pelatih cemerlang praktikum kajian ini mengamalkan penulisan RPH menggunakan aplikasi tersebut. Menurut mereka, CIDS sangat membantu mereka membuat persediaan pengajaran lebih baik kerana mendapat bimbingan pensyarah. Pensyarah pembimbing dapat menilai penulisan hasil pembelajaran, isi pelajaran, strategi PdP, sumber nPdP, Elemen Merentas Kurikulum (EMK), penerapan nilai murni dan unsur KBAT yang bersesuaian dengan murid MBK. Bimbingan pensyarah dan guru selaku mentor telah memberi impak kepada motivasi dan keyakinan guru pelatih terhadap PdP yang hendak dilaksanakan bersesuaian dengan tahap dan keperluan MBK. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian oleh Mahaya Salleh (2016) iaitu keberkesanan latihan praktikum berasaskan kepada perkembangan identiti profesional guru dipengaruhi oleh faktor guru pembimbing, pensyarah pembimbing dan persekitaran sekolah (Mahaya Salleh, 2016).

Satu lagi aplikasi wajib telah direka bentuk oleh IPGM dan diguna pakai oleh guru pelatih seluruh IPG kampus di Malaysia iaitu Myporoms. Aplikasi Myporoms merupakan platform secara atas talian yang mengandungi Borang PR1 dan PR2. Guru pelatih boleh menyemak laporan pencerapan dan penilaian pensyarah. Aplikasi ini juga menjadi medium penyimpanan RPH dan penulisan refleksi PdP.

Tema: Kecekapan Konteks Pengajaran

Hasil pemerhatian, kajian ini mendapati kesemua guru pelatih mempunyai pengetahuan tentang mata pelajaran yang sangat baik, melaksanakan PdP secara berkesan seperti mengikut langkah-langkah yang amat teratur, terkawal dengan kadar kelajuan penyampaian amat sesuai dengan tahap dan kebolehan MBK. Mereka juga berkebolehan mempelbagaikan aktiviti berpusatkan murid, mengintegrasikan elemen teknologi, maklumat dan komunikasi serta elemen kreatif dan inovatif bersesuaian dengan keperluan dan kesesuaian Murid Berkeperluan Khas

Berikut adalah amalan pengajaran guru-guru pelatih cemerlang praktikum yang diperhati dan analisis dokumen portfolio serta RPH semasa melaksanakan PdP;

1) Mengintegrasikan elemen bahasa

Kajian ini mendapati guru pelatih PISMP Pendidikan khas Masalah Pendengaran sangat peka terhadap kelemahan murid kurang upaya pendengaran iaitu dari aspek bahasa. Mereka sentiasa mengintegrasikan elemen bahasa dalam setiap mata pelajaran yang diajar.

2) Cara visual dan kinestetik

Bagi menyampaikan pengetahuan atau maklumat secara optimum, kesemua guru pelatih menggunakan pendekatan visual dan kinestetik untuk membantu meningkatkan kefahaman tentang sesuatu konsep murid kurang upaya pendengaran

3) Penggunaan deria ransangan

Penggunaan pelbagai deria sepenuhnya secara menyeluruh seperti sentuhan dan rangsangan lain dapat membantu MBK lebih bersedia dan peka terhadap perkara yang dipelajari. Panggilan nama, sentuhan pada meja dan rangsangan visual (bagi murid kurang upaya pendengaran) sangat membantu murid untuk lebih aktif di dalam aktiviti pembelajaran

4) Komunikasi seluruh

Kesemua guru pelatih didapati menggabungkan pelbagai kaedah komunikasi sebagai medium penyampaian pengajaran khusus kepada murid kurang upaya pendengaran.

5) *Hands-on*

Menghayati keperluan murid kurang upaya pendengaran atau kurang upaya penglihatan dengan cara melaksanakan PdP secara *hands-on* dan tunjuk cara secara terpinci dan satu per satu.

6) *Differential learning*

Kesemua guru pelatih kajian ini mengaplikasikan kaedah pengajaran secara *differential learning* iaitu hasil pembelajaran disediakan mengikut tahap dan kebolehan murid. Setiap murid dinilai secara individu.

7) Pemulihan dan pengayaan

Aktiviti pemulihan dan pengayaan diperhati diamalkan sepenuhnya dalam setiap PdP yang dijalankan.

8) Rekod senarai semak

Analisis dokumen mendapati kesemua guru pelatih kajian ini mengamalkan merekod pencapaian murid tentang sesuatu topik dalam senarai semak yang disediakan

9) Amalan mereflek

Kesemua guru pelatih mengamalkan penulisan refleksi setiap kali tamat PdP. Amalan mereflek PdP adalah sangat baik bertujuan menilai kelemahan dan bertindak memperbaiki kelemahan.

Amalan pengajaran terbaik yang dikenal pasti di atas adalah sangat relevan dalam situasi PdP MBK kurang upaya pendengaran dan kurang upaya penglihatan. Walau pun guru pelatih sedang dalam latihan dan kurang pengalaman, kesungguhan dan keprihatinan mereka menyantuni dan meraikan MBK dalam pelajaran sangat membanggakan. Selain daripada memnunjukkan kecemerlangan dan pengajaran yang berkesan, guru pelatih kajian ini juga menunjukkan kecemerlangan dalam peranan lain dan kokurikulum sekolah.

Tema: Kecaknaan Peranan Sosial

Hasil temu bual dengan guru pembimbing di sekolah mendapati kesemua guru pelatih kajian ini menunjukkan penglibatan aktif dengan semua jenis aktiviti sekolah. Sikap ringan tulang dan mudah mewujudkan hubungan rapport dengan guru-lain lain menyebabkan kehadiran mereka sangat disenangi. Berikut adalah petikan tembu bual dari guru pembimbing;

“...saya tengok dia ni lain sikit ringan tulang, mudah mesra, budak-budak pun suka. Dia suka tolong kita orang kalau ada program ke. Ni nak buat sambutan hari kemerdekaan, dia wakil kawan-kawan dia tanya apa benda yang nak ditolong, kadang tu dia yang bagi idea....” (GP 1/SKPK1)

“ Saya dapati cikgu A macam cikgu yang sudah ada pengalaman mengajar lama, dia tak de la duduk dalam kelompok guru-guru pelatih je. Saya nampak dia yang lebih menonjol dalam apa-apa program sekolah, yang lain tu kalau disuruh baru buat....” (GP2/PPKI 2)

“Saya berharap la cikgu-cikgu ni dapat posting kat sekolah ni, lebih-lebih lagi cikgu B. Dia memang rajin. Untungla sekolah yang dapat dia masa posting nanti, ringan tulang, dia pun suka dan pandai layan murid. Kalau aktiviti kokurikulum tu, semua dia yang handle, nampak la kepimpinan dia” (GP2/SKPK3)

Dapatan temu bual di atas jelas menunjukkan guru pelatih yang proaktif dan cakna dengan persekitaran sekolah akan memberi impak kepada hubungan sosial dengan warga sekolah. Dapatan kajian ini memberi impak positif hasil daripada peranan yang dimainkan oleh guru dalam komuniti sekolah dan mampu menjana kebaikan kepada suasana sekolah yang positif (Kutsyruba, 2013)

Tema: Kesepakatan Kokurikulum


Hasil temu bual dengan guru mendapati mereka bukan sahaja terlibat aktif dalam kokurikulum sekolah tetapi juga di luar sekolah. Tiga orang daripada guru pelatih kajian ini juga mewakili IPGKIK dalam sukan antara IPG yang dilakukan semasa cuti sekolah. Manakala di peringkat sekolah, kesemua guru pelatih kajian ini menggunakan pendekatan bersepakat mengendalikan aktiviti kokurikulum secara bergilir tugas. Mereka juga berkongsi idea dengan rakan sebaya praktikum tentang projek sekolah yang ingin mereka sumbang.


Kesepakatan dalam pendidikan merupakan elemen penting bagi pembangunan sebuah sekolah. Dalam konteks kajian ini, kesepakatan dilihat boleh menjadi platform yang boleh menyelesaikan masalah, menentukan keputusan serta menggabungkan prinsip tindakan, perancangan, kebudayaan, perkembangan, susun atur dan penyelidikan di sekolah (MacNeil, Prater, & Busch, 2009). Hourcade dan Bauwans (2003) mendapati bahawa apabila guru mengamalkan bekerjasama dan saling memainkan peranan masing-masing akan memberi peluang bagi menggabungkan keunikan, kepakaran dan kemahiran masing-masing dengan rakan sekerjanya

Perbincangan dan Implikasi

Berdasarkan dapatan kajian di atas, kecemerlangan guru pelatih semasa praktikum diukur berdasarkan kriteria i) penampilan diri yang mengagumkan, ii) komitmen terhadap tugas yang luar biasa, iii) prestasi tugas yang konsisten, iv) aplikasi bahan bantu mengajar yang sangat menarik, v) sangat aktif dalam aktiviti kokurikulum, dan vi) hubungan yang sangat baik dengan semua pihak yang berkaitan. Kesemua guru pelatih cemerlang praktikum bukan sahaja cemerlang dalam aspek kandungan mata pelajaran, tetapi juga kemahiran dalam aspek-aspek pengajaran, kawalan bilik darjah dan penggunaan alat bantu mengajar. Mereka juga memiliki kemahiran personal dan interpersonal yang boleh menjadi suri teladan kepada rakan sebaya praktikum yang lain di sekolah.

Kajian ini merumuskan dapatan kajian dalam bentuk Model. Model Kecemerlangan Praktikum yang dibina ini boleh dijadikan rujukan bukan sahaja kepada guru pelatih bidang Pendidikan Khas tetapi juga bidang lain. Model Kecemerlangan Praktikum pada rajah 1 terdiri daripada enam tema yang merangkumi aspek personaliti, PdP, kokurikulum dan peranan lain. Tema motivasi turut diberi tumpuan kerana kedua-dua motivasi intrinsik dan ekstrinsik ini menjadi faktor penyumbang kepada pencapaian cemerlang praktikum. Model ini memperlihatkan kecemerlangan praktikum guru pelatih bermula dari personaliti yang dimiliki oleh guru pelatih itu sendiri. Ia merupakan pusat kepada tingkah laku positif sebilang masa mengikut situasi. Identiti pendidik unggul yang dimiliki oleh guru pelatih cemerlang praktikum dibawa kemana sahaja samada di sekolah yang digambarkan bulatan kedua dan persekitaran luar sekolah iaitu pada bulatan ketiga.





Rajah 1. Model kecemerlangan praktikum

Model kecemerlangan praktikum ini merupakan elemen yang penting yang dapat dijadikan satu amalan terbaik dalam pelaksanaan praktikum guru pelatih. Kecemerlangan dalam praktikum membolehkan kehadiran mereka dirasai oleh seisi sekolah. Kesungguhan, kecekalan dan kesabaran guru pelatih mendidik dan menyampaikan ilmu memang amat dihargai oleh warga sekolah (Irmaz Dini, 2014). Bersandarkan kepada input kajian ini, maka guru pelatih cemerlang praktikum memainkan peranan signifikan untuk untuk melonjakk kualiti pendidikan negara ke tahap global.

Kesimpulan

Kecemerlangan guru pelatih dalam praktikum merupakan permulaan untuk terus cemerlang apabila menjadi guru sebenar. Justeru, potensi serta peranan mereka harus diketengahkan supaya dapat membantu meningkatkan kualiti pendidikan negara menerusi barisan guru-guru yang cemerlang serta berdedikasi. Dalam konteks merealisasikan hasrat yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, guru pelatih perlu memiliki satu wawasan yang unggul untuk mentransformasikan pelbagai aspek pendidikan, berpemikiran aras tinggi dan mampu berinovasi supaya mampu meningkatkan keberhasilan sekolah dan kemenjadian murid.

Rujukan

Cresswell, J. W. (2014). *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (4th ed.). London: Sage Publications Ltd.

- Fazlulaini Mohd Yunus, Kamarul Azmi Jasmi, Md Zuki Hashim, & Ruhayati Ramly. (2017). Kelemahan Amalan Menerapkan Kemahiran Berfikir Semasa Proses Pengajaran dan Pembelajaran Dalam Kalangan Calon Cemerlang Praktikum Pendidikan Islam di kampus Sultan Abdul Halim. *International Journal of Religion Research in Education*. 1(1). 1-13
- Hourcade, J.J., & Bauwans, J. (2003). *Cooperative teaching: Rebuilding and sharing the schoolhouse* (2nd ed.). Austin, TX: Pro-Ed
- Irmaz Dini. (2014). *Guru Praktikum SPM Cemerlang Terbukti Berkesan*. (Online). http://www1.utusan.com.my/utusan/Forum/20140506/f0_03/Guru-praktikum-SPM-cemerlang-terbukti-berkesan#ixzz5a2ma23o0 diakses 15 Disember 2018
- Khaliza-Saidin. K. (2012). *Recipients' perceptions of the Malaysian Excellent Teacher Award Scheme*. Tesis tidak diterbitkan. University of Strathclyde: School of Education
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2008). *Buku Terma Guru Cemerlang Malaysia*. Putrajaya: KPM
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2014). *Modul Penilaian Bersepadu Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PBPPP)*, Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2015). Guru Abad Ke-21. *Buletin Anjakan Transformasi Pendidikan Malaysia, Bil 5*, 1–5.
- Khaitul Anwar Abu Bakar. (2014). *Tahap Kesediaan Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru Dalam Latihan Mengajar*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Kutsyuruba, B. (2013). Teacher collaboration in times of uncertainty and societal change: The case study of Post-Soviet Union Ukraine. *European Education*, 45(1), 25–49.
- MacNeil, A. J., Prater, D. L., & Busch, S. (2009). The effects of school culture and climate on student achievement. *International Journal of Leadership in Education: Theory and Practice*, Vol. 12(1), hlm. 73–84.
- McClelland, D. C. (1970). The Two Faces of Power. *Journal of International Affairs*, 24, 29 - 47
- Mahaya Salleh. (2016). *Keberkesanan Latihan Praktikum Berasaskan Kepada Perkembangan Identiti Profesional Guru Pelatih Di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)*. Tesis PhD yang tidak diterbitkan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohamad Nizam Nazarudin, Nur Fatimah Luciana Benjamin Abdullah & Zakiah Noordin. (2017). Profesionalisme, Kesediaan Mengajar Guru Pelatih dan Penyeliaan pengajaran Pensyarah Pembimbing Praktikum di Institut Pendidikan Guru Zon Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 2(4). 71-84
- Norhana Mohamad Saad, Juliana Baharuddin, & Siti Noor Ismail. (2016). *Hubungan Antara Tahap Kompetensi Fungsional Guru Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Di Sekolah Menengah Di Negeri Kelantan. Proceeding International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA, 25-27 October 2016, Universiti Utara Malaysia, 199 - 208
- Syed ismail Syed Mustafa.(2012). Amalan Bimbingan Pengajaran Pensyarah dan Guru Pembimbing Dalam Program Mentoring Praktikum serta Impaknya Terhadap Kualiti Guru Pelatih. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 38 (1). 71 - 78

Syed Ismail Syed Mustapa, & Lye Guet Poh.(2016). Tahap Stress Siswa Pendidik IPG Kampus Ilmu Khas Semasa Praktikum di Sekolah. *Jurnal Penyelidikan Tempawan*. 33.137-152.

